# Mahathir dapat cucu

BH 15 APR 1987

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Dr Siti Hasmah hari ini bergelar datuk dan nenek. Anak sulung mereka, Puan Marina, selamat melahirkan anak pertama, seorang bayi perempuan, pagi tadi di Osaka, Jepun.

Puan Marina berada di Jepun kerana mengikuti suaminya, Encik Ahmad Ikhlas, yang bertugas di sana. Mereka melangsungkan perkahwinan pada 20 Mac 1986.

Datin Seri Dr Siti Hasmah kini di Osaka untuk menyambut kelahiran cucu sulungnya itu.